



**JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN  
SKIM GERAN PENYELIDIKAN  
FUNDAMENTAL ( FRGS )**

(pindaan tahun 2009)

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E  
62505 PUTRAJAYA  
NO.TEL. : +603 – 8883 6530 / 6456  
+603 – 8884 5474  
NO. FAKS : +603 – 8883 6569

## **BAHAGIAN 1**

### **1.1 Latar Belakang**

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperuntukkan dana sebanyak RM 200 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK-9) bagi melaksanakan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) untuk diagihkan kepada institusi – institusi Pengajian Tinggi (IPT). Terdapat tiga bentuk dana penyelidikan yang diberi di bawah FRGS iaitu:-

- (i) Dana penyelidikan bagi projek-projek yang dipohon oleh penyelidik melalui Pihak Pengurusan Penyelidikan di IPT masing-masing;
- (ii) Dana penyelidikan bagi projek -projek yang dikenalpasti oleh pihak Jawatankuasa Skim Geran Penyelidikan Fundamental secara *Top Down*; dan
- (iii) Dana galakan kepada IPT terpilih.

### **1.2 Tujuan Geran Penyelidikan Fundamental**

Penyelidikan Fundamental merupakan penyelidikan asas yang dilakukan untuk tempoh satu jangka masa, berterusan dan tidak menghasilkan manfaat dalam jangka masa yang singkat. Penyelidikan ini juga bertujuan untuk menggalakkan penerokaan idea/ konsep/ teori baru yang seterusnya akan menjadi pemangkin kepada penemuan baru, perkembangan ilmu dan penciptaan yang inovatif dan terkini.

### **1.3 Bidang Penyelidikan**

Bidang-bidang keutamaan bagi Penyelidikan Fundamental ialah:-

- A. Sains Tulen
- B. Sains Gunaan
- C. Teknologi dan Kejuruteraan
- D. Sains Perubatan (termasuk kajian klinikal)
- E. Sains Sosial dan Kemanusiaan
- F. Sastera dan Sastera Ikhtisas
- G. *Natural Sciences and National Heritage* (Geologi, Arkeologi, Taxonomi, Biodiversiti, Ekologi dll)

## **1.4 Kriteria Pemilihan**

Setiap permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental harus memenuhi kriteria seperti berikut:-

- (i) Penyelidikan yang dipohon merupakan projek yang dapat menghasilkan sesuatu idea baru yang akan dapat membangunkan satu penyelidikan yang lain.
- (ii) Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat.
- (iii) Penyelidikan yang akan dapat menambahbaik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.
- (iv) Projek penyelidikan yang merupakan *niche* IPT serta projek-projek strategik negara (*national interest*) yang mampu membangun sesuatu industri bagi kepentingan negara.

## **1.5 Kelayakan**

Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik sepenuh masa **IPT** sama ada kakitangan tetap ataupun kontrak. Kakitangan kontrak perlu mengemukakan *contractual document* sebagai bukti status perkhidmatan. Kakitangan sambilan dan kakitangan akademik yang sedang bercuti belajar tidak layak untuk memohon geran ini.

## **1.6 Permohonan Geran**

- 1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental perlu menggunakan Borang *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.
- 1.6.2 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati bidang (perenggan 1.3) dan kriteria (perenggan 1.4) di atas. Pihak IPT diberi kelonggaran di dalam menentukan bidang keutamaan penyelidikan di IPT masing-masing.

### 1.6.3 Skop Pembiayaan

#### (i) **Vote 11000**

(Upah dan Elaun untuk Pegawai Kontrak dan Sementara)

Upah dan elaun pegawai kontrak dan sementara yang terlibat dengan penyelidikan. Hanya tiga orang pegawai kontrak atau sementara sahaja yang dibenarkan untuk diupah dalam satu projek.

#### (ii) **Vote 21000**

(Perjalanan dan Pengangkutan)

Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

Perjalanan ke luar negeri (**berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian**) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan dana yang telah dipohon. Hanya penyelidik sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.
- Perjalanan ke luar negara bertujuan untuk menghadiri persidangan, seminar atau bengkel untuk membentangkan hasil penyelidikan atau melakukan sebahagian daripada penyelidikan kerana tiada kemudahan dan pakar tempatan dalam kajian tersebut.
- Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- Perjalanan dihadkan kepada kelas ekonomi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menggunakan jarak yang terdekat manakala penggunaan perkhidmatan Air Asia / Syarikat Penerbangan Tambang Murah dihadkan untuk perjalanan domestik sahaja.

- Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 45 peratus daripada jumlah keseluruhan projek.

(iii) **Vote 24000**  
(Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Sewa pengangkutan mestilah dibuat dengan syarikat pengangkutan berlesen.

(iv) **Vote 26000**  
(Bahan Peralatan Penyelidikan)

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja boleh dibuat.

(v) **Vote 28000**  
(Baik pulih kecil dan ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

(vi) **Vote 29000**  
(Perkhidmatan)

Lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek ( dalam negeri sekali (1) sahaja ) untuk mempelajari teknik – teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah di antara 3 minggu hingga kurang daripada 3 bulan. Jumlah perbelanjaan pula tidak melebihi 10 % dari peruntukan Geran.

(vii) **Vote 35000**  
(Aksesori dan Peralatan)

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan.

## 1.7 Syarat Permohonan Geran

- 1.7.1 Tiga (3) salinan Borang Permohonan diperlukan bagi setiap permohonan dan ia perlu dihantar melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPTA masing-masing kepada Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Aras 6, Blok E14, Kompleks E, 62505 Putrajaya.
- 1.7.2 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik bagi satu permohonan projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakunkan pada setiap **FASA**.
- 1.7.3 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan Fundamental pada FASA yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan tahap selesai projek pada kadar 75 peratus.
- 1.7.4 Geran ini menetapkan siling peruntukan yang berbeza pada setiap tahun. Siling peruntukan baru akan dimaklumkan kepada pihak IPT oleh pihak Kementerian.
- 1.7.5 Setiap Projek Penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan Modal Insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam RMK-9. Sehubungan dengan itu, bagi:-

(i) Projek Tiga (3) Tahun

- Disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya dua (2) pelajar Ph.D atau tiga (3) pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

**ATAU**

(ii) Projek dua (2) tahun:-

- Disyaratkan dapat melatih satu (1) pelajar Ph.D atau dua (2) Sarjana atau gabungan keduanya.

**ATAU**

(iii) Sekurang-kurangnya dapat melatih satu (1) pelajar Ph.D atau satu (1) pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

1.7.6 Tempoh maksimum projek penyelidikan yang dijalankan di bawah Geran Penyelidikan Fundamental adalah selama dua (2) tahun. Bagi projek penyelidikan yang kurang atau melebihi dua (2) tahun, justifikasi kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan Pengurusan Penyelidikan IPT.

1.7.7 Pembantu Penyelidik (RA) atau Pegawai Penyelidik (RO) **sepenuh masa** tidak boleh dilantik sebagai ahli dalam Projek Penyelidikan. Walau bagaimanapun, Ketua Penyelidik boleh melantik Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sebagai salah seorang ahli dalam Projek Penyelidikan dengan bayaran RM1,000.00 sebulan atau lain-lain amaun yang ditetapkan oleh IPT.

## 1.8 Proses Permohonan Geran

Proses penyaringan ke atas permohonan projek-projek penyelidikan dan penilaian kesesuaian sesuatu projek merupakan tanggungjawab pihak Pengurusan Penyelidikan IPT sebelum dikemukakan kepada Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi. Ini untuk memastikan setiap projek telah melalui proses penapisan sewajarnya dan telah dilulus dan diperakukan di peringkat IPT.

## **1.9 Penerbitan, Hak Harta Intelektual dan Hasil Pengkomersialan ( Royalti )**

### **1.9.1 Penerbitan**

Semua penyelidik digalakkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan samada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

### **1.9.2 Hak Harta Intelektual**

Hak pemilikan Harta Intelek adalah Hakmilik IPT. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa.

Garis Panduan Harta Intelek di IPT boleh digunakan. Namun begitu segala perbelanjaan bagi perlindungan Harta Intelek adalah di bawah tanggungjawab IPT.

### **1.9.3 Hasil Pengkomersialan ( Royalti )**

Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada di IPT.

## **1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

### **1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Pihak KPT akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

## **BAHAGIAN 2**

### **2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental**

- 2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental IPT akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing.
- 2.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakarkan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Fundamental yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPT untuk diluluskan.
- 2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada Garis Panduan JPT, Kementerian Pengajian Tinggi.

## **BAHAGIAN 3**

### **3.1 Implementasi Projek**

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental IPTA perlu dipantau dari aspek:-

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan.

### **3.2 Pengawalan Projek**

- 3.2.1 IPTA perlu mengisi dan menghantar laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan FRGS kepada pihak KPT yang terdiri daripada:-

**(i) Borang FRGS - P1(RMC)**

- Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- dihantar kepada KPT sebelum 15 Februari setiap tahun;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak tiga (3) salinan; dan
- perlu disertakan bersama - sama Borang FRGS-P2(P), FRGS-K1(RMC) dan FRGS-K2(RMC).

**(ii) Borang FRGS - P2(P)**

- Laporan Prestasi projek penyelidikan fundamental di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);
- untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
- perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing

**(iii) Borang FRGS - K1(RMC)**

- Ringkasan Prestasi Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama - sama dengan Borang FRGS-P1(RMC).

**(iv) Borang FRGS - K2(RMC)**

- Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- disertakan bersama - sama dengan Borang FRGS-P1(RMC).

- (v) Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh 3 bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format IPT masing-masing.
- 3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*/ bulanan/ atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing - masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

## **BAHAGIAN 4**

### **4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan**

- 4.1.1 Surat kelulusan Projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.
- 4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPT kepada IPT setelah surat kelulusan FRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk FRGS.

## **BAHAGIAN 5**

### **Lain – Lain Hal**

Ketua Projek Berhenti bertugas di IPT / Berpindah IPT

Geran Penyelidikan Fundamental diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran tersebut masih dibawah kawal selia IPT yang diperakukan. Dengan itu keputusan terhadap IPT tersebut akan digunapakai.

**Sebarang pertanyaan/ maklumat tambahan boleh diajukan kepada:**

**URUSETIA FRGS  
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 6, BLOK E14, KOMPLEKS E  
62505 PUTRAJAYA  
NO.TEL. : +603 – 8883 6530 / 6456  
+603 – 8884 5474  
NO. FAKS : +603 – 8883 6569**